



# EVOLUSI FESYEN REMAJA CITA RASA ATAU IKUT-IKUTAN?

Oleh Rosli Mohd Nordin

**P**EREDARAN masa dan perubahan gaya hidup menyebabkan cita rasa berpakaian atau lebih tepatnya cara berfesyen pilihan remaja kini turut berubah. Perubahan ini bukan sahaja melibatkan remaja di Malaysia, malahan golongan remaja di seluruh dunia.

Fesyen merujuk gaya berpakaian, kosmetik, tingkah laku dan sebagainya yang menjadi kegemaran serta ikutan ramai dan berubah mengikut masa. Meninjau cita rasa “berfesyen” remaja di Malaysia, khususnya golongan remaja perempuan, dapat dikatakan bahawa

kesedaran menata rias diri sangat diutamakan oleh mereka, khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi para remaja dewasa ini memilih gaya dan fesyen masing-masing. Hal ini berikutan ledakan dan pengaruh media sosial seperti Facebook, Instagram (IG), Youtube, Twitter dan pelbagai aplikasi lain dalam telefon pintar.

Bagi Addiena Aswad, 16 tahun, yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Ampang, Selangor, beliau

menegaskan bahawa fesyen merupakan elemen yang sangat penting bagi dirinya. Selain sentiasa ingin kelihatan cantik dan kemas, Addiena atau lebih mesra dengan panggilan Diena, berpandangan bahawa fesyen memberikan impak yang tersendiri dalam kehidupannya di sekolah dan di rumah.

Menurut Diena, walaupun masih bergelar seorang pelajar di sekolah menengah, beliau, dan rakan sering bertukar-tukar pandangan tentang cara bersolek, alat solekan terkini, koleksi baju dan seluar yang dijual di pelbagai kompleks beli-belah, khususnya butik yang menjual koleksi remaja. Kami juga berkongsi tip ketika mengayakan pakaian yang baru dibeli.

“Sebagai pelajar, saya menyedari bahawa terdapat beberapa kekangan dalam berfesyen, khususnya yang melibatkan perbelanjaan atau pembelian pakaian, alat solek dan barangan penjagaan diri. Selain itu, dalam usia yang masih muda, kami masih lagi mencari identiti fesyen yang sesuai dengan diri kami. Setakat ini, saya suka mencuba dan pilihan gaya saya pastinya yang ringkas, solekan yang semula jadi dan tidak kelihatan terlalu mencuba sehingga menjadi mangsa fesyen,” jelas Diena yang bercita-cita ingin menjadi peguam.

Menurut Diena, kaedah suai dan padan sangat sesuai dengan remaja sepertinya. Selain memudahkan beliau membuat pilihan, juga dapat menjimatkan masa. Menurutnya, kaedah suai dan padan sangat praktikal kerana beliau tidak suka meluangkan terlalu banyak masa bagi berdandan dan memilih pakaian untuk bersantai atau melakukan pelbagai aktiviti luar bersama rakan. Pilihan beliau pastinya baju T-shirt dan jean.

“Saya sering merujuk IG artis dan *instafamous* seperti Fazura, Johanis Sani dan Cupcake Aishah. Mereka banyak berkongsi tip dan

cara memilih pakaian dan solekan yang sesuai mengikut keperluan majlis atau acara. Kaedah ini sangat berkesan kerana dapat memberikan saya idea tentang fesyen yang diboleh “teroka” pada masa akan datang.

“Apabila di sekolah, saya dan rakan juga sering bercerita tentang gaya masing-masing dan berkongsi tip dalam menata rias diri dan tidak ketinggalan, cara penjagaan kulit. Hal ini sangat penting kerana sebagai remaja, kami perlu memastikan kesihatan kulit sangat diutamakan,” tegas Diena lagi yang memilih aliran gaya remaja dari Amerika Syarikat sebagai rujukan dan “gedung” fesyen pilihannya.

Sementara itu, bagi lepasan pelajar Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan, Nur Aini Nadhirah Abdul Aziz, 21 tahun, beliau berpandangan bahawa fesyen remaja Malaysia kini lebih terbuka untuk menerima “sentuhan dan aliran” fesyen global.

Menurut Nadhirah, sekitar tahun 1980-an hingga awal tahun 1990-an, remaja di Malaysia amat terpengaruh dengan gaya *rock*, *punk* dan *hippie*. Remaja lelaki khususnya menyimpan rambut panjang, memakai seluar ketat dengan koyakan sana sini, memakai aksesori dan kebanyakan warna pakaian pula lebih kepada warna hitam.

“Begitu juga pada awal tahun 1990-an hingga tahun 2000, aliran muzik *hip hop*, *rap* dan *funky* turut mempengaruhi aliran fesyen remaja di seluruh dunia. Yang terkini, pastinya ledakan pengaruh muzik dari Korea Selatan sehingga muzik *K-Pop* dari negara berkenaan turut memberikan impak tersendiri terhadap gaya dan fesyen remaja di seluruh dunia. Bagi saya, perubahan aliran muzik sangat mempengaruhi gaya remaja Malaysia untuk bereksperimen dengan fesyen (gaya),” jelas Nadhirah yang kini pemegang Diploma Perakaunan.




**Diena menjadikan fesyen dari Amerika Syarikat sebagai gaya pilihannya.**



**Gaya suai dan padan sangat praktikal dengan remaja di Malaysia kerana ringkas dan mudah diaplikasikan.**



**Khairina gemar dengan gaya fesyen ringkas dan mudah digayakan untuk pelbagai tujuan atau acara.**



**Menurut Nadhirah, remaja perlu menitikberatkan penampilan diri kerana dapat membantu meningkatkan keyakinan diri apabila berhadapan dengan masyarakat umum.**

Tambah Nadhirah lagi, sebagai penganut agama Islam, beliau amat menitikberatkan soal aurat dalam berpakaian. Pilihan berfesyennya pasti yang berlandaskan syariat Islam, sopan dan ala Muslimah moden.

“Saya tidak melihat Islam menyekat umatnya untuk berfesyen, namun kita tidak boleh hanyut hingga mengabaikan syariat Islam. Gaya pilihan saya pastinya bertudung bawal, berbaju kurung moden, memakai blaus, berseluar *palazzo* dan berkasut sniker. Seawal usia enam tahun lagi, ayah saya sering menggayakan saya dengan fesyen kanak-kanak yang terkini. Apabila meningkat remaja, saya sudah terbiasa untuk memakai pakaian yang mempunyai sentuhan terkini.

Nadhirah juga menjadikan artis Zahirah MacWilson dan *instafamous* seperti Bella Khan, Rose Nicotine dan Ainaa Nabilla MUA sebagai rujukannya berfesyen. Menurut Nadhirah, beliau memperuntukkan wang sekitar RM200 hingga RM300 setiap kali membeli pakaian dan barangan penjagaan diri untuk tempoh dua hingga tiga bulan sekali.

Bagi Wan Aliazar Wan Halim pula, remaja lelaki kini semakin menunjukkan minat yang tinggi terhadap penampilan mereka di hadapan khalayak. Daripada potongan rambut, pemilihan material untuk baju, seluar dan kasut hinggalah kepada produk penjagaan diri, remaja lelaki juga sangat sensitif.

“Remaja lelaki tidak mahu ketinggalan seperti remaja perempuan apabila melibatkan soal penampilan dan gaya. Oleh itu, tidak hairanlah semakin banyak butik pakaian berjenama memasarkan pakaian dengan rekaan, potongan dan motif yang lebih bersifat diversiti. Sebagai contoh, motif bunga-bunga atau flora ketika ini mendapat tempat yang bukan sahaja untuk baju T-shirt, malah kemeja, seluar dan kasut mahupun

topi serta beg juga mempunyai motif berkenaan di rak jualan butik berjenama. Gaya yang moden dan ringkas tetapi mempunyai tanda pengenalan (*signature*) yang dipopularkan para artis dan mempengaruhi ternyata mempengaruhi gaya dan cita rasa fesyen remaja lelaki,” jelas Wan Aliazar.

Bagi eksekutif muda yang gemar beriadah seperti mendaki, Khairina Farhana Zuply, 23 tahun, fesyen baginya ialah sebahagian daripada cara hidup.

“Gaya dan fesyen tidak dapat dipisahkan seperti petikan lirik lagu Seniman Agung P. Ramlee, iaitu “Irama dan Lagu”. Gaya dan fesyen membentuk penampilan dan akhlak individu. Saya memilih gaya sopan (*modest*) Muslimah yang mengutamakan menutup aurat dan bersederhana dalam bergaya,” ujar Khairina.

“Artis dan pengengaruh sangat mempengaruhi saya dan remaja dalam cara berpakaian. Kami menjadikan mereka sebagai “penanda aras” dan rujukan ketika berfesyen. Apa-apa yang dipaparkan dalam IG mereka itu memberikan idea kepada saya dan remaja lain untuk bereksperimen dalam berfesyen. Jenama fesyen, butik dan pengeluar produk kecantikan dan penjagaan diri menjadikan artis, pengengaruh dan *instafamous* sebagai ejen untuk mempromosikan produk yang dipasarkan,” jelas Khairina, lepasan pelajar Universiti Teknologi MARA, Cawangan Jengka, Pahang.

Menurut Khairina, beliau gemar dan meminati gaya artis seperti Syatilla Melvin, Neelofa dan Mira Filzah. Gaya mereka sangat sesuai untuk wanita Muslimah moden, praktikal dan mempunyai pesona yang tersendiri. Bagi pengengaruh pula, beliau sering mengikuti perkembangan daripada Eka Jamaludin dan Jaja Talib. Demikian



Wan Aliazar Wan Halim.

penjelasan oleh Khairina yang menjadikan fesyen dari Timur Tengah seperti Dubai dan Lubnan sebagai aliran fesyen pilihannya. Beliau sangat gemar melihat gaya jubah, *abaya* dan tudung yang digayakan oleh wanita Arab moden.

Pandangan Khairina itu turut disokong oleh Nursyazwani Roslan, 23 tahun, yang merupakan bekas graduan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Komunikasi.

“Saya menjadikan *hijabis* dan *hijabista* fesyen dari Timur Tengah sebagai panduan dalam mengayakan serban (*turban*), tudung, jubah dan sebagainya. Fesyen dari Timur Tengah tersebut mempunyai satu aliran yang sesuai dengan jiwa saya. Antara IG yang sering saya jadikan panduan ialah @theartistinhijab, @marialia, @lailimirza dan @maishkh,” jelas Syazwani.


Bagi Syazwani, gaya dan fesyen perlu selari kerana dapat membentuk

identiti diri seseorang individu. Dalam bergaya, kita perlu fokus kerana akan menggambarkan kita di mata umum. Beliau juga gemar akan konsep suai dan padan, selain sangat praktikal kerana memberikannya kebebasan dalam berfesyen.

“Ketika ingin mencuba aliran fesyen terkini, jangan lupa akan faktor ketinggian, berat badan, warna kulit, status diri seperti pekerjaan dan tujuan pakaian digayakan. Semua perkara itu perlu dititikberatkan. Pakaian yang digayakan oleh orang lain belum tentu sesuai digayakan oleh kita. Namun begitu, dengan mengambil inspirasi gaya mereka itu mungkin dapat memberikan satu “*fashion statement*” yang memberikan impak tersendiri,” jelas Syazwani atau lebih mesra dengan panggilan Wani, yang kini sedang melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Malaya dalam bidang Media.

Ternyata modenisasi dan kemajuan teknologi, khususnya dalam bidang telekomunikasi yang terhasilnya internet dan telefon pintar, kehidupan manusia semakin bergerak pantas. Oleh itu, tidak hairanlah jika perubahan landskap fesyen dunia secara amnya dan Malaysia khususnya memberikan impak yang maksima. Kebolehcapaian remaja dalam mengakses media sosial dan aplikasi telefon pintar dalam menata rias diri menjadikan fesyen dan gaya merupakan satu elemen yang diberikan perhatian serius oleh para remaja.

Kata-kata yang dipopularkan oleh pelakon dan pelawak, Allahyarham Mr. Os, iaitu “Biar pape, asal bergaye” (biar miskin asal bergaya) wajar menjadi perhatian kerana dalam berfesyen, selain berpotensi menjadi mangsa fesyen, remaja juga terdedah kepada salah urus kewangan peribadi yang menjurus kepada masalah kewangan yang serius di kemudian hari. @S



Bagi Wani, fesyen merupakan identiti seseorang dan setiap individu wajar mempunyai laras gaya yang tersendiri.



Wani menjadikan *hijabis* Timur Tengah sebagai rujukan fesyen yang digayakan olehnya.